



جباتن حال إحوال أكام إسلام نكرج سابه

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH



GARIS PANDUAN AKTIVITI MASJID DAN SURAU

JHEAINS NO.1 2025

(PENGURUSAN, PERATURAN DAN PENGIMARAHAN
MASJID SERTA SURAU SELURUH SABAH)

PANDUAN AWAM

ISI KANDUNGAN

1	KATA PENGHANTAR	..
2	PRAKATA	..
3	NAMA DAN PEMAKAIAN	2
4	TAFSIRAN	2
5	PENTADBIRAN MASJID DAN SURAU	2
6	TAULIAH CERAMAH DAN MENGAJAR AGAMA	3
7	PERALATAN ICT DAN TEKNOLOGI	3
8	LARANGAN DALAM MASJID DAN SURAU	4
9	SYARAT DAN ADAB PELANCONG BUKAN ISLAM DAN ORANG BUKAN ISLAM DALAM MASJID DAN SURAU	4
10	PANDUAN PELAKSANAAN MAJLIS ATAU PROGRAM DI MASJID DAN SURAU ATAU KAWASAN MASJID DAN SURAU	5
11	FUNGSI-FUNGSI LAIN MASJID DAN SURAU	6
12	PENARAFAN DAN PENGIKTIRAFAN KEPADA MASJID DAN SURAU	8
13	PENUTUP	8



Hak cipta terpelihara tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian isi kandungan daripada buku ini termasuk artikel, ilustrasi dan fotokopi dalam apa-apa jua bentuk dan cara sekalipun sama ada fotokopi, mekanikal, rakaman, elektronik atau cara-cara lain tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah.

.....

GARIS PANDUAN

AKTIVITI MASJID DAN SURAU NEGERI SABAH

JHEAINS NO.1 2025

CETAKAN PERTAMA : 2025

.....

Disediakan Oleh :

Bahagian Pentadbiran Masjid Wilayah dan Daerah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tingkat 10, Blok A, Wisma MUIS,
88737 KOTA KINABALU, SABAH

KATA PENGHANTAR

Alhamdulillah, Syukur ke hadrat ilahi dengan limpah kurnia dan rahmant-Nya Buku Garis Panduan Aktiviti Masjid dan Surau ini dapat diperinci dan

Tujuan penerbitan buku ini adalah sebagai rujukan serta panduan kakitangan pegawai-pegawai Jabatan khasnya dan masyarakat awam amnya.

Buku Garis Panduan ini juga sangat signifikan kearah memperbaiki dan memperkemaskan pengurusan tatakelola serta tadbir urus Hal Ehwal Islam di semua peringkat pengurusan Jabatan ini.

Besarliah harapan saya agar Buku Garis Panduan ini dapat menjadi rujukan dan dapat membantu semua pihak dalam melaksanakan aktiviti pengurusan Masjid dan Surau.

Akhir kata, semoga pengurusan Hal Ehwal Agama Islam di negeri ini dapat memberi sumbangan kepada kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat islam melalui kerjasama semua pihak.



DATUK JUMAIN ABDUL GHANI

Pengarah

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

PRAKATA


Alhamdulillah, Syukur ke hadrat ilahi dengan limpah kurnia dan rahmant-Nya Buku Garis Panduan Aktiviti Masjid dan Surau ini dapat diperinci dan

Tujuan penerbitan buku ini adalah sebagai rujukan serta panduan kakitangan pegawai-pegawai Jabatan khasnya dan masyarakat awam amnya.

Buku Garis Panduan ini juga sangat signifikan kearah memperbaiki dan memperkemaskan pengurusan tatakelola serta tadbir urus Hal Ehwal Islam di semua peringkat pengurusan Jabatan ini.

Besarlah harapan saya agar Buku Garis Panduan ini dapat menjadi rujukan dan dapat membantu semua pihak dalam melaksanakan aktiviti pengurusan Masjid dan Surau.

Akhir kata, semoga pengurusan Hal Ehwal Agama Islam di negeri ini dapat memberi sumbangan kepada kemakmuran dan kesejahteraan masyarakat islam melalui kerjasama semua pihak.



AWANG JURI BIN AG TAHIR

Timbalan Pengarah Hal Ehwal Islam
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Majlis Ugama Islam Sabah (**MUIS**) ialah pihak berkuasa agama Islam negeri yang bertanggungjawab menetapkan dasar dan pelaksanaan berkaitan Masjid dan Surau, selaras dengan Seksyen 58 Enakmen Majlis Ugama Islam Sabah 2004 yang memperuntukkan MUIS sebagai pemegang amanah tunggal bagi semua Masjid di Sabah, termasuk hal berkaitan pengurusan peraturan dan pengimarahannya Masjid atau Surau.
- 1.2 Sehubungan dengan itu, Jabatan Hal Ehwal Islam Agama Negeri Sabah (**JHEAINS**) telah menyediakan Garis Panduan ini sebagai panduan rasmi bagi pengurusan dan pelaksanaan aktiviti Masjid dan Surau di seluruh Sabah.
- 1.3 Garis panduan ini telah mendapat kelulusan **Majlis Tertinggi Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS)**
- 1.4 Panduan ini adalah bertujuan untuk memastikan setiap aktiviti mematuhi dasar yang telah ditetapkan bagi memelihara kesucian, keharmonian dan fungsi asal institusi Masjid dan Surau di negeri ini.

2. NAMA DAN PEMAKAIAN

- 2.1 Garis Panduan ini dinamakan sebagai Garis Panduan Aktiviti Masjid dan Surau Bil No. 1 Tahun 2025 dan terpakai di seluruh Sabah.
- 2.2 Garis Panduan ini mula berkuat kuasa dan hendaklah dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat dalam pentadbiran, pengurusan dan pelaksanaan aktiviti Masjid dan Surau sama ada yang berdaftar dengan JHEAINS atau sebaliknya, selaras dengan peruntukan perundangan dan dasar pentadbiran agama negeri ini.

3. TAFSIRAN

Dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain –

“**MUIS**” maksudnya Majlis Ugama Islam Negeri Sabah.

“**JHEAINS**” maksudnya Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah.

“**Enakmen**” maksudnya Enakmen Majlis Ugama Islam Negeri Sabah Tahun 2004 atau mana-mana undang-undang berkaitan dengan pentadbiran Islam yang berkuatkuasa.

“Masjid” maksudnya bangunan yang di *warta* atau didaftar sebagai Masjid yang diadakan Solat Jumaat padanya.

“Surau” maksudnya mana-mana bangunan atau premis yang didaftarkan sebagai surau atau *musolla* dalam sesuatu kariah, institusi, pusat membeli-belah atau mana-mana bahagian bangunan atau premis yang digunakan oleh orang islam untuk solat berjemaah dan aktiviti keagamaan lain, atau masjid. *Musolla* lazimnya bersifat lebih kecil dan tidak berstruktur seperti surau.

“Kawasan Masjid / Surau” maksudnya adalah sempadan tanah/tapak yang diwakafkan sebagai tapak Masjid atau Surau termasuk perkarangan Masjid atau Surau, kawasan letak kenderaan di dalam tapak Masjid atau Surau dan kawasan dalam *warta* wakaf bagi Masjid atau Surau samada berpagar atau tidak berpagar.

“Pegawai Masjid” maksudnya sesiapa yang dilantik berdasarkan Enakmen.

“Ruang Solat Utama” maksudnya ruang yang dikhususkan melaksanakan ibadah Solat berjemaah di dalam sesebuah Masjid atau Surau.

“Jawatankuasa Masjid/Surau” maksudnya jawatankuasa yang dilantik melalui surat JHEAINS.

“Parti Politik” maksudnya sesebuah entiti yang didaftarkan secara rasmi oleh mana-mana perundangan yang terdapat padanya logo atau lambang tertentu.

“Pertubuhan” maksudnya sebuah entiti yang didaftarkan atas nama sesuatu pertubuhan atau persatuan yang berdaftar dan menggunakan lambang atau logo tertentu samada dari kalangan orang Islam atau bukan Islam.

4. PENTADBIRAN MASJID ATAU SURAU

4.1 Masjid atau Surau di seluruh Sabah hendaklah ditadbir sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan ini.

4.2 Jawatankuasa Masjid atau Surau hendaklah hendaklah melaksanakan segala urusan berkaitan pengurusan, pentadbiran, penggunaan premis serta pelaksanaan aktiviti mengikut panduan yang ditetapkan , dan hendaklah merujuk kepada JHEAINS bagi mendapatkan kelulusan, nasihat atau arahan lanjut sebagaimana diperlukan dari semasa ke semasa seperti yang ditetapkan oleh MUIS.

5. TAULIAH CERAMAH DAN MENGAJAR AGAMA ISLAM

- 5.1 Jawatankuasa Masjid / Surau hendaklah bertanggungjawab memastikan semua penyampai tazkirah/kuliah/ceramah/ pengajaran agama berkitab mempunyai tauliah yang dikeluarkan oleh MUIS
- 5.2 Penyampai tazkirah/kuliah/ceramah/ pengajar agama berkitab hendaklah bertanggungjawab memberi maklum kepada Jawatankuasa Masjid/Surau tentang status tauliah yang dimiliki.

6. PERALATAN ICT ATAU TEKNOLOGI

Secara umumnya peralatan ICT atau Teknologi termasuk kemudahan Internet dan kemudahan teknologi lain boleh digunakan di dalam Masjid atau Surau mengikut kesesuaian dan pemantauan Jawatankuasa Masjid atau Surau.

7. LARANGAN DALAM MASJID DAN SURAU

Berikut adalah larangan yang perlu dipatuhi ketika berada di dalam Masjid atau Surau —

- (a) Melintas di hadapan orang Solat.
- (b) Mencari barang hilang di dalam Masjid atau Surau.
- (c) Memakan makanan yang berbau sebelum ke Masjid atau Surau.
- (d) Bersyair, berjual beli dan berhimpun membincangkan hal keduniaan semata-mata di dalam Masjid atau Surau.
- (e) Berhias dan berwangi-wangian secara berlebihan ketika ke Masjid atau Surau bagi wanita.
- (f) Mengangkat dan meninggikan suara di dalam Masjid atau Surau.
- (g) Menghisap rokok samada rokok biasa atau rokok elektronik di dalam atau kawasan Masjid atau Surau.
- (h) Menzahirkan sebarang bentuk gambar manusia atau haiwan pada arah kiblat samada dalam keadaan statik atau skrin elektronik ketika solat berlangsung di dalam ruang solat utama.

8. SYARAT DAN ADAB PELANCONG BUKAN ISLAM DAN ORANG BUKAN ISLAM DALAM MASJID ATAU SURAU

Syarat dan adab pelancong bukan Islam dan orang bukan Islam dalam Masjid atau Surau hendaklah dipatuhi seperti berikut—

- (a) Sekiranya hendak memasuki dalam Masjid atau Surau, kawasan Masjid atau Surau atau ruang solat utama mereka hendaklah mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada JHEAINS atau MUIS atau Jawatankuasa Masjid atau Surau.
- (b) Bagi pelancong bukan Islam, Pemandu pelancongnya boleh mendoakan untuk keselamatan pelancong yang dibawanya dengan menggunakan ayat seperti *“Semoga kita selamat di dalam perjalanan ke destinasi yang dituju.”*
- (c) Mereka hendaklah mengikuti peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Masjid atau Surau ketika berada di dalam premis Masjid atau Surau atau kawasan Masjid atau Surau.
- (d) Mereka hendaklah memastikan kebersihan pada diri dan pakaian sebelum masuk ke Masjid atau Surau atau kawasan Masjid atau Surau.
- (e) Mereka hendaklah menjaga adab dan tatasusila yang sesuai yang dianggap penghormatan kepada institusi Masjid atau Surau ketika berada di dalam Masjid atau Surau atau kawasan Masjid atau Surau.
- (f) Mereka dilarang menonjolkan budaya atau kebiasaan atau ritual pegangan mereka apabila berada di Masjid/Surau atau kawasan Masjid atau Surau termasuk bermeditasi dan bertafakur.

9. PANDUAN PELAKSANAAN MAJLIS ATAU PROGRAM DI MASJID ATAU SURAU ATAU KAWASAN MASJID ATAU SURAU

Mana-mana orang atau badan-badan pertubuhan yang berhasrat untuk mengadakan majlis atau program dalam atau di kawasan setiap Masjid atau Surau hendaklah memastikan perkara berikut dipatuhi—

- (a) Majlis atau program yang dilaksanakan hendaklah mendapat kebenaran daripada JHEAINS atau Jawatankuasa Masjid atau Surau.
- (b) Majlis atau program yang hendak dilaksanakan secara umumnya tidak bercanggah dengan al Quran dan as Sunnah.
- (c) Majlis atau program hendaklah memberikan manfaat dan kemaslahatan kepada semua umat Islam dan membawa nilai-nilai perpaduan.
- (d) Majlis atau program tidak memaparkan atau mempromosikan unsur-unsur kepartian atau menggunakan lambang mana-mana Parti Politik di Malaysia.

- (e) Majlis atau program yang diadakan dalam ruang solat utama Masjid atau Surau hendaklah bebas daripada sebarang bunyian muzik atau alatan muzik.
- (f) Nyanyian berunsurkan kerohanian atau bunyian muzik yang tidak berlebihan boleh diadakan jika majlis atau program tersebut dilakukan di kawasan perkarangan Masjid / Surau dengan syarat tidak mengganggu jemaah yang hendak melaksanakan ibadah solat dan iktikaf.
- (g) Majlis atau program yang diadakan hendaklah bersesuaian dengan waktu-waktu solat fardhu.
- (h) Sebarang acara dalam majlis atau program yang ketika azan berkumandang hendaklah acara itu dihentikan serta merta demi menghormati laungan azan.
- (i) Semua individu yang terlibat dalam majlis atau program hendaklah mematuhi etika berpakaian yang berlandaskan hukum syarak.

10. FUNGSI - FUNGSI LAIN MASJID DAN SURAU

Selain berfungsi sebagai tempat menunaikan ibadah solat, Masjid dan Surau juga boleh dijadikan pusat pelbagai aktiviti lain, tertakluk kepada ketetapan syarak dan garis panduan yang ditetapkan, termasuk tetapi tidak terhad kepada—

(a) Sebagai Pusat Sehenti (One Stop Centre)

- (i) Dalam usaha menjadikan Masjid sebagai pusat ibadah umat Islam, pusat ilmu, komuniti dan perpaduan ummah, Masjid atau Surau hendaklah berupaya melaksanakan perancangan dan aktiviti yang menjana kepada usaha pengimarahannya berterusan.
- (ii) Masjid / Surau Sebagai Pusat Rujukan Dan Khidmat Masyarakat Setempat.
- (iii) Menjadi pusat pembangunan keluarga Islam.
- (iv) Menjadi pusat pembangunan sosial.
- (v) Menjadi pusat rujukan khidmat kebajikan
- (vi) Menjadi pusat pengumpulan maklumat dan bancian fakir miskin, anak yatim dan lain-lain.
- (vii) Menjadi pusat memupuk hubungan di antara masyarakat.
- (viii) Menjadi kemudahan perubatan dan kesihatan.
- (ix) Menjadi pusat pengaduan awam.

(b) Masjid / Surau Sebagai Pusat Ilmu dan Penyebaran Maklumat

- (i) Mengadakan pengajian ilmu Islam.
- (ii) Mengadakan tuisyen untuk anak-anak kariah.
- (iii) Mengadakan kemudahan Internet dan Wi-Fi.
- (iv) Menjadi pusat penyebaran maklumat pentadbiran kerajaan dan pihak berkuasa agama.

(c) Masjid / Surau Sebagai Pusat Sosio-Ekonomi

- (i) Mewujudkan pusat koperasi umat Islam.
- (ii) Menyediakan pusat makanan halal.
- (iii) Melaksanakan kursus-kursus keusahawanan Islam.

(d) Masjid / Surau Sebagai Pusat Dakwah dan Tarbiyyah

- (i) Melaksanakan program cuti sekolah.
- (ii) Mengadakan forum-forum dan ceramah sambutan hari kebesaran umat Islam.
- (iii) Mengadakan program penyebaran risalah Islam
- (iv) Mengadakan program amar ma'ruf nahi munkar.
- (v) Mengadakan program ziarah dan lawatan.

(e) Masjid / Surau Sebagai Pusat Tarikan Pengunjung

- (i) Menyediakan landskap dan keceriaan masjid yang menarik.
- (ii) Menyediakan keselesaan tandas dan persekitaran yang bersih.
- (iii) Menyediakan kemudahan musafir.
- (iv) Menyediakan susun atur dalaman masjid yang menarik.
- (v) Menyediakan kawasan riadah.
- (vi) Menyediakan perpustakaan masjid.

11. PENARAFAN DAN PENGIKTIRAFAN KEPADA INSTITUSI MASJID ATAU SURAU

Selaras dengan dasar pengurusan dan pentadbiran Masjid atau Surau di negeri Sabah, pihak JHEAINS atau MUIS boleh memberikan apa-apa bentuk penganugerahan kepada Masjid atau Surau berdasarkan komitmen dan inisiatif mengimarahkan institusi Masjid atau Surau di seluruh negeri Sabah.

12. PENUTUP

Berdasarkan kepada Garis Panduan yang disediakan ini, pihak-pihak samada Jawatankuasa Masjid atau Surau, orang perseorangan, mana-mana pertubuhan atau organisasi hendaklah mematuhi segala perkara di dalam Garis Panduan ini. Ini adalah bagi memastikan dan menjadikan institusi Masjid atau Surau sentiasa terpelihara sebagai tempat yang suci dan mulia serta memastikan kelestarian fungsi institusi Masjid atau Surau. Umat Islam hendaklah sentiasa memakmurkan Masjid dan Surau dengan mengadakan program dan aktiviti yang sesuai dan selari dengan kehendak Islam.

Disediakan oleh :

Bahagian Pentadbiran Masjid, Wilayah dan Daerah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah